

## **Bahasa dan Pemikiran Shahnnon Ahmad dalam Pembinaan Jati Diri Melayu Melalui Kumpulan Cerpen: *Tonil Purbawara***

**Mohd Izzat Izzuddin bin Jafri**

*Pusat Bahasa Moden, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)*

---

**ABSTRAK :** *Kajian ini membincangkan tentang bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu yang terdapat dalam cerpen terpilih. Cerpen merupakan satu genre yang digunakan oleh karyawan untuk menyampaikan sesebuah kesan kepada masyarakat. Sebanyak enam cerpen dari buku Kumpulan Cerpen: Tonil Purbawara oleh Shahnnon Ahmad telah dipilih untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Pemilihan dilakukan berdasarkan aspek pembinaan jati diri Melayu. Kajian ini bermula dengan pengenalan mengenai bahasa dan pemikiran dan perkaitannya dengan jati diri Melayu. Kemudian diteruskan dengan penghuraian data iaitu bahasa dan pemikiran yang membentuk jati diri Melayu yang terdapat dalam cerpen Shahnnon Ahmad. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat empat aspek bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu iaitu jati diri Islam, jati diri nilai Melayu, jati diri beradat dan kebudayaan Melayu dan jati diri pendidikan dan berilmu. Justeru, pengkaji menghuraikan secara ringkas peranan dan usaha masyarakat Melayu dalam mengukuhkan jati diri Melayu.*

**KATA KUNCI :** *Cerpen, Islam, bahasa dan pemikiran, jati diri Melayu.*

---

## **Language and Thought by Shahnnon Ahmad in Enhancing the Malay Identity via Collective Short Stories of *Tonil Purbawara***

**ABSTRACT :** *This research discusses the language and thought in the point view of Shahnnon Ahmad on Malay identity creating short stories. Generally, short stories can be used to deliver positive consequences to the public at large, initiated by the writers. In the book written by Shahnnon Ahmad entitled Collective Short Stories: Tonil Purbawara, there are six short stories selected to become the subject of the research based on the identity of Malay views. This research begins with introducing the description of language and thought and their relation to the Malay identity, followed by explanation of the data on language and thought which forms the identity of Malay which has been elaborated in the short stories written by Shahnnon Ahmad. From this research, it was found that there are four aspects of language and thought of Shahnnon Ahmad in constructing Malay identity which are Islamic identity, Malay values identity, custom and culture in Malay identity and the identity of education and knowledge. Lastly, the reseacher explains briefly on the role of Malay society and the efforts in strengthening the Malay identity.*

**KEYWORDS :** *Short story, Islam, language and thought, Malay identity.*

---

## I. PENGENALAN

Bahasa merupakan sebuah alat yang menghubungkan antara suatu hidupan dengan hidupan yang lain. Setiap bahasa yang wujud di dunia terhasil daripada sebuah interaksi antara hidupan. Interaksi yang diadakan bertujuan untuk menyampaikan maklumat, bermasyarakat dan sebagainya. Seluruh benda hidup di muka bumi ini mempunyai bahasa tersendiri untuk berhubung. Namun, melalui bahasalah manusia dan haiwan dapat dibezakan martabatnya kerana bahasa juga adalah pancaran akal atau fikiran. Oleh itu, bahasa mempunyai hubung kait yang rapat dengan fikiran.

Bahasa dan budaya merupakan suatu asas yang membentuk sesebuah bangsa menjadi kuat dari segi rohaniah dan jasmaniah. Sebagai contoh di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa yang menjadi jiwa kepada bangsa Melayu. Bahasa yang kian berkembang ini menjadi kekuatan dan kesatuan bangsa Malaysia apabila bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca, bahasa kebangsaan, dan bahasa rasmi bagi negara Malaysia. Bahasa Melayu bukan sahaja diguna pakai di Tanah Melayu malah digunakan oleh suku bangsa dan bahasa di Sumatera, pelbagai daerah di Asia Tenggara iaitu Selatan Thailand, Singapura, Brunei, Kalimantan Barat, Timur Aceh, Riau, Jambi dan banyak lagi.

Melalui bahasa juga, jati diri sebagai seorang yang berbangsa Melayu boleh ditonjolkan dan dibina. Menurut Hamidah (2001) konsep jati diri merujuk kepada keperibadian, sahsiah atau pengenalan kepada diri. Oleh itu, jati diri amat berkait rapat dengan konsep seperti sikap, gaya hidup, penghayatan nilai, sudut pandangan dan pemikiran serta pegangan prinsip. Jati diri akan mencerminkan luaran seseorang itu sama ada baik ataupun buruk. Walaupun bukan secara keseluruhan ia memberi kesan kepada sikap seseorang, namun ia sedikit sebanyak telah mempengaruhi jiwa setiap individu.

Pembinaan jati diri Melayu boleh terbentuk melalui bahasa yang dituturkan dan melalui penulisan dalam karya-karya yang dihasilkan. Karya-karya ini menjadi satu khazanah negara kerana ia bukan sahaja menjadi bahan bacaan panduan bagi masyarakat kini malah karya-karya sasterawan tanah air telah pun menjadi bahan rujukan negara luar. Antara bahan bacaan atau karya yang boleh dibaca untuk melihat pemikiran Melayu ialah jurnal bahasa, artikel, puisi sastera, novel, cerpen dan sebagainya.

Cerpen merupakan salah satu medium yang digunakan oleh karyawan untuk mencurahkan pengalaman, isi hati, perasaan dan pendapat peribadi. Melalui penulisan cerpen, pelbagai nilai baik, pedoman, pengajaran serta panduan hidup yang dapat diperoleh oleh pelbagai golongan pembaca. Cerpen menjadi bahan bacaan pilihan golongan pembaca kerana konsep dan penceritaan yang ringkas memudahkan pembaca untuk memahaminya

Penghasilan cerpen oleh karyawan negara kebanyakan mendedahkan dan menerangkan jati diri Melayu berdasarkan pemikiran mereka, contohnya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad memaparkan nilai kehidupan dan jati diri bangsa Melayu di dalam novel dan cerpen beliau. Bahasa yang digunakan dalam karya-karyanya serba sedikit dapat membantu pembentukan dan menggambarkan jati diri Melayu. Oleh itu, dalam penulisan ini, pengkaji

akan mengulas mengenai bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu berdasarkan beberapa cerpen yang telah dipilih.

## **II. OBJEKTIF KAJIAN**

Persoalan mengenai bahasa, pemikiran dan alam sudah menjadi isu utama antara ahli falsafah, ahli bahasa dan ahli psikologi. Namun terdapat dua pandangan yang berbeza antara mereka mengenai isu ini. Yang pertama ialah dikatakan bahawa bahasa, pemikiran dan alam sememangnya mempunyai hubungan timbal balik secara dua hala dan yang kedua ialah bahasa, pemikiran dan alam bukanlah faktor penentu antara satu sama lain tetapi setiap satunya mempunyai sistem yang berautonomi. Kewujudan Alam Melayu membuktikan sesebuah jati diri di dalam bangsa Melayu terbentuk.

Dalam sesebuah kajian yang dijalankan pasti mempunyai tujuan atau objektif yang tersendiri. Melalui objektif inilah sesebuah kajian mencapai kejayaan. Menerusi penelitian cerpen-cerpen yang dipilih, diharap dapat merungkai beberapa objektif utama selain objektif-objektif sampingan yang dikehendaki.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bahasa dan pemikiran Shahnnon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu berdasarkan cerpen-cerpen yang dikaji iaitu cerpen di dalam buku “Kumpulan Cerpen: *Tonil Purbawara*”. Setelah itu pengkaji akan menghuraikan bahasa dan pemikiran Shanon Ahmad dalam pembinaan jati diri Melayu melalui cerpen-cerpen terpilih dalam dapatan kajian. Hasil penelitian tersebut akan menjawab segala objektif yang dikemukakan oleh penulis.

## **III. KEPENTINGAN KAJIAN**

Pembinaan jati diri Melayu merupakan satu proses yang menstrukturkan pembentukan sesuatu jati diri atau nilai di dalam jiwa manusia. Asas dalam sesebuah pembinaan perlulah mempunyai pelan dan rangka yang kukuh supaya pembinaan tersebut tidak hanya bertahan cuma seketika. Jati diri adalah nilai-nilai murni yang menyatakan ciri-ciri dalaman individu. Ianya termasuk dalam sikap atau lakuan individu itu. Jati diri seseorang dapat dikesan melalui ciri-ciri yang terdapat pada penampilan diri individu tersebut . Menurut Abdullah Hasan (2009), kebiasaannya jati diri seseorang individu juga melambangkan jati diri bangsa kerana “ciri individu adalah juga ciri bangsa”. Oleh itu, jati diri bangsa pula mencerminkan jati diri individu.

Namun jati diri Melayu pula adalah nilai-nilai yang terdapat dalam diri seseorang individu yang mencerminkan keperibadian bangsa Melayu. Kajian seperti ini adalah sangat penting kerana tidak mahu jati diri Melayu hilang dari sehari ke sehari. Masyarakat Melayu moden yang wujud pada zaman ini kehilangan banyak jati diri dan asal usul mereka. Nilai-nilai Melayu dalam diri mereka semakin hilang sehingga tidak mencerminkan bangsa Melayu lagi.

Hasil tinjauan dan pembacaan dari kajian-kajian lepas seperti kertas projek penyelidikan, jurnal dan lain-lain, kebanyakan pengkaji hanya mengkaji pemikiran Shahnnon Ahmad dari aspek kemasyarakatan dan kemanusiaan. Masih terdapat kajian yang kurang dilakukan ke atas satu bidang khusus seperti jati diri Melayu. Justeru itu, pengkaji terpanggil untuk menjalankan kajian terhadap pemikiran Shahnnon Ahmad yang khusus dalam pembinaan jati diri Melayu supaya jati diri Melayu dapat dibina selain kajian ini dapat menambahkan bahan rujukan bagi pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin mendalami kajian berkenaan pembinaan jati diri.

#### IV. SOROTAN KAJIAN

Antara kertas penyelidikan yang membicarakan mengenai pemikiran Shahnnon Ahmad dalam cerpen ialah Hazira Halim iaitu dalam kajiannya yang bertajuk “Kumpulan Cerpen *Seketul Hati Seorang Pemimpin*: Analisis Pemikiran dan Unsur Kemanusiaan” pada tahun 2000 dari Universiti Putra Malaysia. Dalam kumpulan cerpen *Seketul Hati Seorang Pemimpin* terdapat lima belas buah cerpen. Melalui kajiannya, beliau meneliti sejauh mana pengarang mengungkapkan tentang aspek pemikiran dan kemanusiaan. Dalam kajiannya juga, aspek pemikiran yang dianalisis ialah dari aspek sosial, politik dan keagamaan sahaja. Manakala dari aspek kemanusiaan hanya meliputi aspek positif dan negatif. Hasil kajian beliau mendapati dalam kumpulan cerpen *Seketul Hati Seorang Pemimpin*, pemikiran yang paling menonjol ialah pemikiran politik, sosial dan keagamaan.

Selain itu, menurut Normaizam Hamid dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Permasalahan Manusia dalam Kumpulan Cerpen *Debu Merah* dan Kesesuaian Sebagai Bahan Pengajaran Kesusasteraan Melayu” pada tahun 1993 dari Universiti Putra Malaysia juga menyentuh aspek kemanusiaan. Menurutnya lagi, kesimpulan yang dapat diambil daripada kajian tersebut ialah kumpulan cerpen *Debu Merah* sesuai dijadikan teks sastera kerana mempunyai nilai-nilai dan unsur kemanusiaan seperti sikap dan semangat kebangsaan dalam kalangan pelajar universiti, kehidupan di kampung, kesedaran ilmu pengetahuan, adat Melayu dan sebagainya.

Menurut Maslinah Amat Ramli (2003) pula, menerusi kertas penyelidikannya yang bertajuk “Novel-novel Shahnnon Ahmad: Satu analisis Pemikiran” beliau menekankan aspek pemikiran secara umum. Novel-novel yang dipilih sebagai bahan kajian ialah *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966), *Srengenge* (1973) dan *Seluang Menodak Baung* (1978). Pengkaji memfokuskan kajiannya dalam aspek sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiobudaya. Dalam dapatan kajiannya, pengkaji menjelaskan mengenai persamaan dan perbezaan pemikiran sasterawan negara tersebut dalam ketiga-tiga novel yang dipilih iaitu novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, *Srengenge* dan *Seluang Menodak Baung*. Dari aspek sosioekonomi, pengkaji menjelaskan tentang kemiskinan dan penderitaan masyarakat yang terdapat dalam novel-novel tersebut. Manakala dari aspek sosiopolitik, pengkaji membincangkan mengenai kepimpinan dan pergolakan politik di dalam latar tempat yang diketengahkan dan akhir sekali dari aspek sosiobudaya pula pengkaji menengahkan tentang kepercayaan animisme dan penyerahan takdir. Selain itu, pengkaji turut memaparkan nilai-nilai murni yang dapat memberi panduan kepada pembaca seperti semangat memperjuangkan keadilan dan nilai ketabahan.

Secara keseluruhannya, setelah meneliti beberapa kajian lepas, didapati bahawa terdapat banyak kajian yang dilakukan ke atas pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad berdasarkan novel dan cerpennya. Aspek pemikiran yang gemar dikaji adalah dari sudut kemasyarakatan dan kemanusiaan. Hal ini kerana Shahnnon Ahmad amat gemar menulis cerita yang berunsurkan kehidupan realiti dan beliau mendapat inspirasi atau ilham untuk menulis dalam karyanya melalui pengalaman hidup yang telah dilaluinya. Namun demikian, masih terdapat kekurangan kajian yang memfokuskan pemikiran Shahnnon Ahmad terhadap pembinaan jati diri Melayu. Oleh itu, kajian mengenai pembinaan jati diri Melayu dalam karya Shahnnon Ahmad perlulah diperbanyakkan lagi kajiannya supaya aspek ini dapat memberi manfaat kepada pembaca dan pengkaji lain.

## V. BATASAN DAN BAHAN KAJIAN

Penulisan Ilmiah ini akan memberi tumpuan kepada cerpen Melayu yang dikarang oleh sasterawan negara dari aspek pembinaan jati diri Melayu. Penulis telah memilih bahan yang sesuai untuk dijadikan data dan sebanyak enam cerpen yang telah diteliti daripada buku yang dipilih. Pemilihan data ini dijangka mencukupi untuk menerangkan pembinaan jati diri Melayu melalui pemikiran sasterawan negara ini.

Dalam penulisan ilmiah ini, pengkaji telah memilih penulisan cerpen Melayu hasil karya sasterawan negara tersohor Shahnnon Ahmad. Sasterawan negara ini banyak menyumbang buah fikirannya melalui penulisan beliau di dalam novel, cerpen, dan artikel majalah. Bahan utama yang telah dipilih oleh penulis ialah sebuah buku kumpulan cerpen yang mengandungi pelbagai cerpen yang popular.

Buku yang dipilih ialah *Tonil Purbawara* karya Shahnnon Ahmad. Dalam kumpulan cerpen tersebut terdapat dua puluh buah cerpen yang mengisahkan tentang pelbagai latar masyarakat dan tema iaitu *Pak Utih, Gelungnya Terpokah, Al, Kalau Ibu Sampai Takah Tiga, Igau, Kalbu, Lagu Kitkitkit, Tak Keruan, Dongeng Merdeka, Kelapa Nan Sebatang, Perempuan, Angan-angan Mr. Proudfoot, Riak, Ada, Mayat dan Keluarga, Tonil Purbawara, Ungkapan, Gunung, Ceritera Seorang Bayi yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul dan Ibu dan Ceper*.

Namun dalam kajian ini, penulis hanya memfokuskan kepada cerpen yang mengisahkan tentang bahasa dan pemikiran sasterawan tersohor ini dalam pembinaan jati diri Melayu iaitu *Pak Utih, Gelungnya Terpokah, Lagu Kitkitkit, Tak Keruan, Ceritera Seorang Bayi yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul dan Riak*. Antara jati diri Melayu yang akan dikupas adalah jati diri Islam, jati diri nilai Melayu, jati diri beradat dan kebudayaan Melayu dan jati diri pendidikan dan berilmu.

### Sinopsis Cerpen *Pak Utih*

Cerpen *Pak Utih* mengisahkan nasihat yang salah daripada orang yang berpelajaran. Ini kerana nasihat tersebut bukan sahaja boleh mendorong seseorang melakukan sesuatu yang tidak berfaedah malah merugikan diri sendiri. *Pak Utih* sangat tertarik dengan cerita Cikgu Hadi mengenai perubahan kota Alor Setar dan telah membawa anak dan isterinya ke bandar tersebut selepas mendapat hasil tuaian. Beliau membuat persediaan bersungguh-

sungguh kerana tidak mahu rancangannya gagal seperti tahun-tahun yang lalu. Pak Utih bersedia menghabiskan wangnya demi merasai keseronokan hidup. Pak Utih membawa ‘wali’ bersamanya untuk memastikan keselamatan mereka sekeluarga. Setibanya di kota mereka melihat orang mengisi minyak kereta kerana jarang melihat perkara tersebut. Hasrat Pak Utih untuk bermalam di hotel Cina tidak kesampaian kerana sewanya yang terlalu mahal. Setelah itu Pak Utih menunaikan impian anaknya Si Hamid yang mahukan jam tangan dengan harga RM50. Mereka kemudian singgah di kedai mamak dan memesan tujuh gelas air kosong sahaja kerana bekalan makanan telah di bawa dari rumah. Pak Utih membelikan kasut merah buatan bata untuk empat orang anaknya. Akhirnya mereka tidur di masjid setelah penat berjalan. Keesokan harinya mereka pulang ke kampung dengan membawa pelbagai cerita untuk diceritakan kepada orang kampung.

#### Sinopsis Cerpen *Lagu Kitkitkit*

Cerpen ini mengisahkan tentang kepolosan seorang kanak-kanak yang sangat menyentuh hati. Kanak-kanak ibarat sehelai kain putih. Ketulusan watak Montel sebagai watak utama memperlihatkan kejujurannya. Dia tidak mengerti apa yang dilalui. Setiap hari merupakan pelajaran baharu baginya. Keperitan dan kesakitan yang dirasai oleh seorang ibu akan terubat apabila melihat telatah si anak. Seperti watak ibu Montel, walaupun sedang diambang maut, masih mampu tersenyum untuk Montel. Julat kasih sayang juga dipaparkan oleh penduduk kampung di dalam cerpen ini. Mereka cuba untuk melayani kerenah Montel sebaik mungkin supaya kehilangan yang bakal tiba tidak akan dirasai, walaupun Montel masih mentah untuk memahami apa yang telah berlaku.

#### Sinosis Cerpen *Gelungnya Terpokah*

Cerpen ini mengisahkan kehidupan petani yang bergantung hidup kepada hasil tani iaitu bersawah. Di dalam cerpen ini Jusoh bergantung hidupnya kepada sawah padi untuk membesarkan tujuh orang anaknya. Jusoh bekerja keras dari pagi hingga ke malam membaiki petak sawahnya untuk menakung air dan dia telah merancang untuk mencabut semaian sehari selepas itu dan menanam tiga hari kemudiannya. Namun pada keesokan harinya ketika bangun pagi, Jusoh merasa terkejut apabila mendapati petak sawahnya telah dipecahkan. Petaknya kering-kontang. Jusoh tanpa usul periksa telah mendendami Berahim yang disyaki telah memusnahkan petaknya itu. Atas cadangan isterinya Jusoh telah mencurahkan cuka getah ke badan kerbau kesayangan Berahim yang digunakan untuk membajak sawah. Selama tiga hari kerbau itu menderita dan akhirnya mati. Jusoh begitu gembira kerana dendamnya telah terbalas. Dia mula membaiki gelungnya dan pada sebelah malam dia berjaga di sawah untuk memastikan Berahim atau keluarganya tidak memecahkan gelungnya lagi. Tanpa disedari oleh Jusoh, Berahim telah melakukan sesuatu kepada isterinya ketika dia tiada di rumah. Api kemarahan Jusoh meluap-luap dan tanpa menghiraukan badannya yang berselut, dia menuju ke rumah Berahim. Penduduk gempar lalu menangkap Jusoh yang dikatakan gila. Jusoh akhirnya dibawa ke rumah penghulu dan tinggallah isteri, anak-anaknya serta petak yang sudah penuh digenangi oleh air.

#### Sinopsis Cerpen *Tak Keruan*

Cerpen *Tak Keruan* mengisahkan tentang persoalan yang tersirat mengenai kewujudan manusia, keperitan, kebahagiaan dan politik. Di samping itu, cerpen ini mengetengahkan persoalan mengenai permulaan dan

pengakhiran yang samar-samar pengertiannya. Cerpen ini mengajukan pendapat dari sekecil-kecil hingga serumitnya bagi menentukan setiap perkara “ada” atau “tidak ada” yang menyentuh aspek kedewasaan dan kanak-kanak, untuk mencari identiti dan memperlihatkan kasih sayang dan ketelitian dalam mengenali Adam dan Hawa.

#### Sinopsis Cerpen *Ceritera Seorang Bayi Yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul*

Cerpen ini mengisahkan tentang pasangan Esah dan Hamad yang telah lama berkahwin tetapi masih lagi belum dikurniakan cahaya mata. Esah dan Hamad menyerahkan perihal itu kepada Allah. Pada suatu hari kampung mereka digegarkan dengan berita kehadiran seorang bayi yang tidak tahu dari mana kehadirannya. Fatimah dan Salim adalah orang pertama yang menjumpai bayi berkenaan dan mereka juga merupakan pasangan yang belum memiliki cahaya mata walaupun sudah lama berkahwin, dan itu bukan perkara asing bagi penduduk kampung kerana kampung itu sudah terkena sumpahan, ramai yang masih menanti kehadiran cahaya mata walaupun telah lama mendirikan rumah tangga.

Tetapi yang masih menjadi permasalahan ialah bayi itu tidak berhenti menangis walaupun telah dipujuk sehingga Fatimah dan Salim mengambil keputusan untuk menyerahkan bayi itu kepada Rohayah dan Kadir, tetapi bayi tersebut masih tidak mahu berhenti menangis. Di dalam kekalutan itu telah muncul seorang lelaki tua yang dapat menyelesaikan masalah bayi itu. Orang tua itu menyarankan agar bayi itu diserahkan kepada pasangan lain, jika bayi itu masih tidak berhenti menangis dan pasangan yang berjaya membuat bayi itu berhenti layak untuk menjaga bayi itu.

Persoalan asal dari mana kehadiran lelaki itu hilang begitu sahaja, sehinggalah tiba giliran Esah dan Samad. Mereka telah berjaya membuatkan bayi itu berhenti menangis. Akhirnya, bayi itu telah menjadi milik mereka dan setelah tiga bulan, kegembiraan Esah dan Hamad bertambah apabila Esah telah disahkan hamil tiga bulan selepas menjaga bayi tersebut.

#### Sinopsis Cerpen *Riak*

Cerpen ini mengisahkan Prof. Zaqlol yang mempunyai kerjaya sebagai seorang ahli akademik. Beliau telah menyambung pengajian di luar negara dalam bidang psikologi dan telah mengheretnya ke dalam dunia kesesatan apabila terpengaruh dengan kajian songsang yang menidakkan kewujudan tuhan. Kehidupannya bersama isteri telah hanyut dengan kemewahan dunia. Faridah yang juga isteri kepada Prof. Zaqlol adalah seorang wanita yang pemabuk dan tidak mengamalkan ajaran Islam. Mereka mempunyai seorang anak bernama Nurul Huda. Nurul Huda merupakan seorang ahli akademik yang menuntut di London. Pada awalnya Nurul pernah menjalin cinta dengan seorang pemuda yang berada di Cambridge, London bernama Robert. Prof. Zaqlol tidak mengambil tahu tentang pegangan dan kepercayaan Nurul serta tidak memaksa Nurul untuk kekal sebagai penganut agama Islam atau mengubah kepercayaan mengikut kepercayaan Robert.

Di sini jelas menunjukkan kerapuhan hati mereka sekeluarga, tetapi sinar iman mula terbit dalam diam di hati Prof. Zaqlol seiring perubahan Nurul secara tiba-tiba. Ini sedikit sebanyak telah memberi kesedaran kepada Prof. Zaqlol. Pak Usop yang berkhidmat sebagai tukang kebun akhirnya telah diminta oleh Prof. Zaqlol untuk

menjadi guru agamanya dan sekali gus dapat membuang riak di hatinya. Prof. Zaqlol sememangnya mempunyai sifat riak dengan pangkat yang dimiliki. Persetujuan daripada Pak Usop membuatkan Prof. Zaqlol berjaya menjawab pelbagai persoalan yang bermain difikirannya setelah sekian lama.

## **VI. METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kajian merupakan bahagian terpenting dalam merealisasikan sesebuah kajian. Dalam menghasilkan kajian ini terdapat beberapa kaedah kajian yang digunakan untuk memperoleh data. Kaedah yang digunakan haruslah bertepatan dan bersesuaian dengan data yang diperlukan. Oleh itu, kaedah kepustakaan merupakan kaedah pertama yang dilakukan oleh pengkaji. Penulis ke Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia dan Pusat Bahasa, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi untuk mendapatkan buku-buku rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Buku-buku yang berkaitan dengan skop kajian diteliti dengan membuat analisis dan rumusan.

Penulis menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan bahan rujukan seperti jurnal, penulisan ilmiah, dan tesis sebagai panduan dan sumber rujukan dalam menghasilkan kajian ini. Pencarian buku dan bahan di perpustakaan melalui sistem komputer telah mempercepatkan dan memudahkan pengkaji memperoleh data. Oleh itu, kaedah kepustakaan digunakan sepenuhnya untuk mencari bahan-bahan dan memperoleh idea berkenaan dengan bidang kajian pengkaji.

Selain itu, penulis turut menggunakan kaedah pencarian bahan di laman sesawang. Memandangkan laman sesawang merupakan satu kemudahan yang tersedia pada zaman teknologi kini, maka terdapat pelbagai maklumat yang diperoleh dengan mudah. Namun begitu, pemilihan bahan melalui laman sesawang ini adalah berdasarkan laman sesawang dan portal-portal rasmi sahaja kerana bukan semua maklumat di dalam laman sesawang adalah tepat.

## **VII. PERBINCANGAN**

### Jati Diri Islam

Sejarah telah menyatakan bahawa sebelum kedatangan penjajah Barat, masyarakat Alam Melayu telah pun mempunyai tamadun dan intelektual yang tinggi dan cemerlang (Zainal, 2005). Jati diri bangsa Melayu sebenarnya semakin berkembang dan semakin baik setelah kedatangan Islam. Namun, tahap kecemerlangan dan ketinggian intelektual bangsa Melayu sebelum kedatangan Islam tidak dapat dibezakannya dengan rumpun bangsa yang lain kerana tiada pegangan agama yang begitu kukuh pada ketika itu. Kemudian, setelah kedatangan Islam di kepulauan Melayu, rumpun Melayu telah menemui asas jati diri yang sebenar iaitu agama Islam yang kekal sehingga kini. Agama Islam telah diterima dengan baik oleh bangsa Melayu kerana nilai-nilai yang terdapat di dalamnya membuatkan mereka berasa selesa.



Karya-karya Shahnon Ahmad juga tidak terlepas daripada penyerapan unsur Islamiah. Pelbagai watak-perwatakan yang ditonjolkan oleh beliau di dalam cerpen-cerpen dan novelnya menggambarkan keperibadian seorang Islam. Antara cerpen Shahnon Ahmad yang diterapkan nilai jati diri Islam ialah cerpen “*Pak Utih*”. Berikut merupakan petikan bercirikan jati diri Islam yang dipetik dari cerpen tersebut;

**Data 1 :** “...orang beri salam pun tak diendahkan...”

“...biarkan, nanti di neraka Tuhan membakar mereka sampai hangus...”

“...Pak Utih mengangguk sambil mulutnya berkumat kamit menyebut nama Tuhan...”

(*Pak Utih*, hlm. 42)

Shahnon Ahmad dalam cerpennya yang bertajuk “*Pak Utih*” cuba menerapkan jati diri Islam melalui watak utama iaitu watak suami isteri, Pak Utih dan Mak Utih. Berlatarkan sifat orang kampung, Pak Utih dan Mak Utih dilihat mempunyai pegangan agama Islam apabila Pak Utih memberi salam kepada seseorang semasa mereka sekeluarga pergi bercuti ke pekan Alor Setar. Telatah orang kampung yang tidak pernah ke bandar dan melihat perangai manusia merupakan satu kehairanan bagi mereka.

Jati diri Islam kemudiannya ditunjukkan oleh isterinya Mak Utih apabila cuba menyedapkan hati Pak Utih yang mengelamun akibat salamnya tidak berbalas. Kepercayaan bahawa setiap perkara buruk yang dilakukan akan mendapat balasan oleh Tuhan merupakan maksud Mak Utih dalam petikan di atas. Setiap agama menganjurkan kebaikan dan mempercayai adanya kehidupan selepas mati, syurga dan neraka. Namun dalam agama Islam, syurga dan neraka merupakan tempat bagi manusia yang betul-betul layak mendudukinya dengan pengadilan daripada Allah sahaja. Orang yang berbuat jahat akan mendapat balasan setimpalnya. Begitulah maksud yang dinyatakan oleh Mak Utih dalam petikan ayat “...nanti di neraka Tuhan membakar mereka sampai hangus” yang menggunakan bahasa sedikit keterlaluan dan keras untuk menunjukkan kemarahannya.

Seterusnya, jati diri Islam yang semakin kuat ditonjolkan oleh Pak Utih apabila Pak Utih yang sedang menahan marah itu dilihat terkumat-kamit menyebut nama Tuhan. Dalam bahagian ini menunjukkan bahawa Pak Utih sedang mengucapkan kalimah suci atau bertahmid untuk meredakan hatinya yang sedang marah. Dalam agama Islam, apabila seseorang berasa marah maka ucaplah kalimah suci dan mengingati Tuhan untuk melenyapkan api kemarahan tersebut. Dalam konteks ini, Pak Utih digambarkan seorang yang mengingati Tuhan untuk mengawal kemarahannya.

**Data 2 :** “...bila dia datang suruh dia beli sejadah dan kain buat telekung. Nurul itu, sekarang ini, bukan Nurul macam dulu lagi. Dia pulang nak sembahyang, nak baca Qur’an, nak buat amal ibadat.”

(*Riak*, hlm. 167)

Data 2 memperlihatkan watak Faridah iaitu isteri kepada Profesor Zaqlol menyuruh pembantu rumahnya Mak Minah untuk memberitahu Sudin supaya membelikan telekung dan sejadah untuk anaknya Nurul Huda yang akan pulang ke Tanah Air. Melalui petikan ini jelas memperlihatkan kelemahan pegangan agama dalam keluarga apabila asas kelengkapan untuk menunaikan solat tidak ada di rumah. Faridah yang juga merupakan seorang ibu, isteri dan wanita yang beragama Islam memandang enteng terhadap aspek keagamaan. Dalam cerpen ini juga menonjolkan watak Faridah yang hidup secara bebas antaranya minum minuman keras dan tidak menunaikan kewajipan sebagai seorang muslim. Berpandukan ajaran Islam yang sebenar, solat merupakan perkara yang wajib ditunaikan oleh umatnya dan minum minuman keras merupakan satu tindakan yang ditegah. Sekiranya dilihat dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu, orang Melayu amat menitikberatkan asas pendidikan agama dan melakukan perkara yang dituntut dalam ajaran Islam.

**Data 3 :** “...tiba di rumah Hamad dan Esah terus bersolat jemaah juga, memberi salam, berdoa dan berdoa lagi agar mereka dianugerahkan-Nya anak kerana mereka amat rindukan kasih sayang dan cinta seorang anak.”

(*Ceritera Seorang Bayi yang Tiba-tiba Berada di Kampung Mandul*, hlm. 307)

Nilai yang diperoleh dalam cerpen ini adalah jati diri Islam yang diperlihatkan oleh watak Hamad dan Esah yang sentiasa berdoa agar dikurniakan cahaya mata, Selain itu, mereka juga berusaha untuk memperoleh cahaya mata bukan sahaja berserah tetapi juga diiringi dengan usaha antaranya menjalani rawatan tradisional. Melalui cerpen tersebut, dapat dilihat keberkatan doa mereka, Esah disahkan mengandung tiga bulan selepas mengambil ‘bayi’ tersebut. Dalam jati diri Melayu, sentiasa diterapkan aspek menjaga solat dan berdoa kepada Allah untuk menjaga keperibadian diri secara langsung.

### Jati Diri Nilai Melayu

Orang Melayu terkenal dengan nilai-nilai murni yang menjadi asas pembentukan jati diri mereka. Menurut Wan Mohd. Zahid (1988) nilai-nilai murni merupakan tanggapan berkenaan perkara-perkara yang dihajati dan pada masa yang sama juga menjadi kriteria atau ukuran. Nilai-nilai murni sesuatu masyarakat kebiasaannya diasaskan kepada agama. Semua agama menerapkan penganutnya untuk menjadi baik dan berakhlak mulia. Oleh kerana masyarakat Melayu beragama Islam, maka nilai-nilai Islam menjadi teras amalan bagi bangsa Melayu.

Antara nilai yang terdapat dalam masyarakat Melayu ialah taat kepada sultan dan menghormati pemimpin, memuliakan orang yang lebih tua, saling hormat-menghormati, meraikan tetamu dengan bersikap terbuka, bertimbang rasa dalam sesuatu perkara, bersopan santun dan berbudi pekerti, bergotong-royong dalam segala upacara, bekerja dengan bersungguh-sungguh, sentiasa bermesyuarah dan bermuafakat dalam semua urusan hidup serta penegak hukum jika sesuatu hak disanggah.

Orang Melayu juga dikatakan sebagai penegak hukum dan akan melawan jika terdesak. Hal ini disebabkan apabila sesuatu hak atau maruah diri dipersoalkan atau diganggu oleh orang lain. Nilai ini juga terdapat dalam cerpen "*Gelungnya Terpokah*" apabila sesuatu telah berlaku menyebabkan nilai penegak hukum ini diguna pakai. Petikan berikut adalah salah satu daripada nilai yang terdapat dalam jati diri Melayu;

**Data 4 :** "...nanti aku sesah kepalanya dengan lading malam ini. Tak boleh kepalanya aku ketak kepala bininya. Tak boleh kepala bininya aku cincang anaknya. Tak boleh anaknya aku rantas kaki kerbaunya."

(*Gelungnya Terpokah*,  
hlm. 30)

Data 4 memperlihatkan watak utama iaitu Jusoh yang naik berang apabila dia mendapati keesokan hari petak sawah yang dikerjakan semalam akhirnya kering-kontang tanpa setitik air. Apabila hak dan maruah seseorang tercabar, orang Melayu sanggup berbuat apa sahaja demi menegakkan keadilan di atas apa yang telah berlaku. Begitu juga dengan Jusoh, kemarahan yang membuak-buak membuatkan dia mahu bertindak sedemikian namun apabila berbalik semula kepada hukum tuhan dan rasionalnya, Jusoh hanya meracun kerbau Berahim yang disangkanya pembuat angkara. Namun kemarahannya sekali lagi dicabar apabila Berahim telah merogol isteri Jusoh disebabkan pembalasan perbuatan meracun kerbaunya.

**Data 5 :** "...mereka mempelawa orang tua itu masuk ke dalam rumah. Orang tua melangkah masuk. Esah hampar sehelai lembek yang agak banyak petanya dengan sebiji bantal yang juga terlalu lusuh dan kumal..."

*(Ceritera Seorang Bayi yang  
Tiba-tiba Berada di Kampung  
Mandul, hlm. 317)*

Nilai yang diperoleh dalam cerpen ini adalah nilai menghormati orang tua. Nilai ini ditonjolkan melalui watak Hamad dan Esah iaitu penduduk kampung yang tidak dikurniakan cahaya mata. Jati diri nilai Melayu memperlihatkan kesopanan yang ada pada orang Melayu iaitu mempelawa tetamu untuk masuk ke rumah. Oleh itu, apabila berkunjung ke rumah seseorang, orang Melayu menekankan aspek hormat-menghormati melalui pelbagai cara antaranya menghidangkan juadah, memberi salam, dan menjaga tutur kata apabila berkomunikasi dengan orang yang lebih tua. Nilai ini merupakan nilai murni yang terdapat dalam jati diri seorang Melayu.

### Jati Diri Beradat dan Kebudayaan Melayu

Adat dan budaya tidak dapat dipisahkan dalam sesuatu masyarakat. Terdapat pelbagai adat dan budaya yang digunakan oleh pelbagai lapisan agama dalam meneruskan kehidupan seharian. Secara konsepnya, adat dan budaya merupakan suatu cara hidup yang diamalkan oleh kumpulan tertentu yang meliputi sistem sosial, susunan organisasi, ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap dan nilai.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Adat bermaksud suatu peraturan yang diamalkan secara turun-temurun iaitu sejak dahulu kala di dalam masyarakat Melayu. Peraturan tersebut diamalkan sehingga dianggap sebagai hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Adat juga didefinisikan sebagai suatu cara yang sudah menjadi kebiasaan bagi kumpulan masyarakat yang mengamalkannya. Istilah adat berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu 'Adah' yang bererti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi kebiasaan yang tetap dan dihormati orang, maka kebiasaan itu menjadi adat.

Adat istiadat dan budaya dalam masyarakat Melayu tradisional kebanyakannya dipengaruhi dari adat dan budaya agama Hindu. Adat dan budaya tersebut dibawa oleh masyarakat Melayu kuno sejak sebelum kedatangan Islam. Namun setelah kedatangan Islam di kepulauan Melayu, sedikit sebanyak telah mempengaruhi adat dan budaya masyarakat kuno tersebut. Adat dan budaya yang bertentangan dengan ajaran Islam kian ditinggalkan dan adat yang tidak bercanggah akan diubah suai berlandaskan agama Islam.

Adat Istiadat dan budaya masyarakat Melayu tradisional ialah proses kehidupan manusia bermula daripada seseorang itu lahir hinggalah seseorang itu meninggal dunia. Antara adat Melayu yang masih lagi digunakan ialah

adat dalam perihal mengandung, bersalin dan berpantang, adat dalam perkahwinan dan adat dalam kematian. Adat dan budaya ini juga dapat dilihat dalam karya Shahnnon Ahmad iaitu dalam cerpen “*Tak Keruan*”. Berikut merupakan petikan yang berunsurkan adat dan budaya;

**Data 6 :** “Tambah Pak!”

“Pinggian dihulur, kuah ditimba, lauk digetis,  
dan kelima-lima jari tangan kanannya dibiarkan  
bergumpalan dengan pinggan...”

(*Tak Keruan*, hlm. 85)

Petikan tersebut mengisahkan tentang watak seorang anak yang mempunyai nilai kebudayaan Melayu iaitu dengan cara makan menggunakan tangan. Kebudayaan Melayu jelas terserlah dengan melihat cara dan budaya makan orang Melayu iaitu makan bersama-sama keluarga. Selain itu, dalam petikan tersebut juga memperlihatkan juadah yang disediakan oleh masyarakat Melayu khususnya berlatar belakang masyarakat desa iaitu masakan kampung. Melalui cerpen tersebut juga, watak ayah mencerminkan pegangan adat dan budaya Melayu. Ayah merupakan seorang yang tegas dalam mendidik anaknya yang sedang meningkat remaja dengan menerapkan budaya Melayu iaitu makan bersama keluarga.

**Data 7 :** “...para tetamu tarik nafas panjang. Benda itu diletak di atas bantal usang hujung kepala mak yang terkejut-kejut...”

“...seorang lagi terus kisar punggung duduk bersila kukuh-kukuh di sisi bantal, balik-balik benda itu. Dan lepas itu suasana pun pecahlah; dipecah oleh suara lunak bacaan surah Yasin...”

“...lambat-lambat mak diselimutkan:  
Diselimutkan hingga menutupi segala...”

(*Lagu Kitkitkit*, hlm. 80)

Berdasarkan petikan tersebut mengisahkan tentang watak Montel dan ibunya yang sakit dan sedang nazak. Montel seorang yang sihat, comel, dan kehidupan dalam cerpen ini. Ketika para tetamu datang menziarah, ibu Montel mengingatkan mereka akan kematian, dan Montel menjadi simbol kehidupan. Pengarang memaparkan adat dan budaya dalam kematian iaitu menziarahi orang yang sedang sakit. Dalam adat dan budaya Melayu menziarahi orang yang sedang sakit merupakan fardu kifayah dalam tuntutan agama. Dalam agama Islam turut menganjurkan

penganutnya untuk menziarah orang yang sedang sakit dengan melakukan pelbagai cara antaranya membaca Yasin dan berdoa untuk memohon kesejahteraan pesakit.

Adat dan budaya Melayu juga ditonjolkan apabila masyarakat bekerjasama dalam menguruskan jenazah ibu Montel. Dalam ajaran Islam juga dituntut penganut mempercepatkan pengurusan jenazah. Dalam petikan tersebut jelas memperlihatkan adat dan budaya Melayu dalam aspek kerohanian yang telah diterapkan dalam agama Islam.

**Data 8 :** “Mak ada di dalam. ”

“...para tamu angguk-angguk, melihat sama sendiri, tunduk dan berjalan jengket-jengket masuk rumah dan terus ke bilik...”

(*Lagu Kitkitkit*, hlm. 72)

Berdasarkan data 8, mengisahkan tentang watak ‘tetamu’ yang berkunjung ke rumah Montel untuk menziarahi ibunya yang sedang sakit. Nilai adat dan budaya Melayu terserlah apabila tetamu menunduk dan berjalan terjengket-jengket untuk melepasi ruang tamu yang sudah dipenuhi oleh tetamu yang lain. Melalui adat dan budaya Melayu jelas memperlihatkan, amalan menunduk dan terjengket-jengket bertujuan untuk menghormati orang yang lebih tua. Amalan ini masih diteruskan sehingga kini. Oleh itu, amalan ini harus diteruskan sebagai satu identiti masyarakat Melayu yang sejati.

#### Jati Diri Pendidikan Dan Berilmu

Pendidikan dan berilmu merupakan perkara yang penting dalam masyarakat Melayu. Tanpa ilmu seseorang itu dianggap mudah ditipu dan pemalas. Ilmu pengetahuan adalah sumber jati diri. Jika seseorang itu memiliki ilmu, maka individu itu lebih bijak dalam tindakan dan perbuatan. Ilmu adalah pemimpin diri seseorang individu dalam menghadapi cabaran kehidupan. Ilmu bukan sahaja dipelajari melalui buku atau bertulis, tetapi ilmu diperoleh melalui pengalaman seseorang itu. Dengan adanya ilmu pengetahuan di dalam diri, hidup seseorang akan lebih mudah dan dipandang tinggi. Jati diri berilmu pengetahuan juga diterapkan dalam cerpen “*Riak*” menerusi watak Profesor Zaqlol. Berikut merupakan petikan yang dipetik dari cerpen tersebut;

**Data 9 :** “...kebiasaan itu sebenarnya bukan kebiasaan baru. Bukan bermula di tanah airnya sendiri. Puncanya dari Utah sewaktu dia di sana selama hampir tiga tahun menghabiskan tesis PhDnya...”

(*Riak*, hlm. 157)

Berdasarkan data 9, petikan tersebut ditujukan kepada watak Profesor Zaqlol merupakan seorang ahli akademik yang mengajar di sebuah kolej. Profesor Zaqlol digambarkan sebagai seorang yang budiman dan merendahkan diri walaupun lebih pandai dan bergelar seorang Profesor. Profesor Zaqlol dikatakan seorang yang berilmu kerana belajar di Utah dalam bidang psikologi. Beliau telah menghabiskan kehidupannya dengan belajar dan akhirnya berjaya memiliki kerjaya dengan bergaji tinggi. Selain berkhidmat sebagai ahli akademik, beliau juga aktif dalam berpersatuan dan berbakti kepada masyarakat. Dalam aspek pendidikan, orang Melayu amat menitikberatkan ilmu pengetahuan sejak dari akar umbi. Melalui cerpen tersebut, jelas memperlihatkan Profesor Zaqlol menerapkan aspek pendidikan kepada anaknya Nurul Huda yang juga merupakan seorang ahli akademik dan sedang menuntut di London. Oleh itu, masyarakat Melayu mementingkan aspek pendidikan dalam institusi pendidikan.

**Data 10 :** “...kata mereka orang-orang kampung semua bodoh. Pergi ke kota setahun sekali menghabiskan wang. Cina-cina di kota riang melihat kebodohan orang-orang kampung. Mereka sedia menyembelih orang-orang seperti Pak ini...”

“Alor Setar sekarang bukan macam dulu,”  
mula Cikgu Hadi...

(*Pak Utih*, hlm. 03)

Berdasarkan petikan di atas, jelas memperlihatkan kelemahan taraf pendidikan orang Melayu pada zaman dahulu. Di sebabkan taraf pendidikan yang lemah, mereka sering diperlekehkan kerana tidak mempunyai ilmu. Melalui cerpen tersebut, Cikgu Hadi menjelaskan tentang kelemahan orang Melayu dalam pendidikan menabung. Watak Cikgu Hadi merupakan seorang guru yang berasal dari kampung tersebut. Sebagai seorang guru yang berdedikasi dan berkhidmat kepada masyarakat, Cikgu Hadi cuba untuk memberi kesedaran kepada penduduk tentang amalan berjimat-cermat. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, amalan menabung kurang mendapat kesedaran. Jika diperhatikan, lebih-lebih lagi semasa musim perayaan, mereka akan berbelanja tanpa batas. Oleh itu, amalan berjimat-cermat perlu diterapkan dari kecil sebagai asas kepada pembinaan jati diri.

## VIII. KESIMPULAN

Pembentukan bangsa Melayu kini bukanlah perkara mudah sekiranya tanpa hasil usaha nenek moyang yang terdahulu. Jati diri Melayu yang sudah terbina sejak dahulu haruslah diteruskan dalam jiwa masyarakat Melayu moden pada hari ini. Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa jati diri Melayu sememangnya telah diterapkan dalam penulisan sejak zaman sebelum merdeka lagi. Sasterawan-sasterawan negara telah pun berusaha membina jati

diri Melayu melalui penulisan mereka, hanya tinggal usaha daripada setiap individu untuk mengukuhkan lagi jati diri Melayu.

Bahasa dan budaya Melayu menjadi asas bagi pembentukan tamadun Malaysia hingga kini. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan perlakuan seseorang dalam meletakkan kedudukannya dalam masyarakat. Pengaruh agama Islam terhadap masyarakat Melayu amat mendalam sehingga terbentuknya sebuah masyarakat yang memiliki nilai-nilai yang jelas dalam kehidupan seharian. Kedatangan agama Islam ke Alam Melayu telah menaikkan martabat bahasa dan budaya masyarakat Melayu sehingga kini.

Dalam membina peradaban bangsa Malaysia menjelang tahun 2020, jati diri dan nilai yang wujud dalam agama Islam dan budaya orang Melayu perlu diperkasakan dan dijadikan sebagai teras kepada pembentukan dan pembinaan bangsa Malaysia. Ini kerana bangsa Melayu pernah membuktikan kepada dunia bahawa mereka pernah mengecapi zaman kegemilangan lantaran berpegang teguh dan menghayati sepenuhnya agama Islam. Oleh itu, setiap individu terutamanya masyarakat Melayu perlulah lebih kuat dalam memperjuangkan dan menaikkan semula jati diri Melayu yang telah terbina supaya kegemilangan Melayu kembali menyinar.

## BIBLIOGRAFI

### Tesis:

- [1] Hazira Halim, *Kumpulan cerpen seketul hati seorang pemimpin: analisis pemikiran dan unsur kemanusiaan*, Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 2000.
- [2] Normaizan Hamid, *Debu merah dan kesusasteraan sebagai pengajaran*, Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 1993.
- [3] Maslina Amat Ramli, *Novel-novel Shahnon Ahmad: satu analisis pemikiran*. Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 2003.

### Buku:

- [4] Shahnon Ahmad, *Tonil purbawara* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- [5] Asmah Hj. Omar, *Bahasa dalam alam pemikiran Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986).
- [6] Edward De Bono, *Pemikiran lateral* (Kuala Lumpur: Golden Books, 1997).
- [7] Azhar Wahid, *Pemikiran A. Samad Ismail dalam: ingin jadi pujangga* (Perak, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2013).
- [8] Hamzah Hamdani & Zeti Aktar Jaffar, *Shahnon Ahmad dalam esei dan kritikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007).
- [9] Kramsch, C., *Language and culture* (UK: Oxford University Press, 2001).
- [10] Mohd Yusof Hasan, *Sasterawan negara Shahnon Ahmad* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).
- [11] Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad & Ahmad Kamal Abdullah, *Tanggapan pembicaraan karya-karya Shahnon Ahmad* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984).
- [12] Sapir, E., *Language: an introduction to the study of speech* (London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers, 1921).
- [13] Sharif Shaary, *Shahnon Ahmad dengan debu merahnya* (Selangor: Marwilis Publisher & Distributor Sdn. Bhd., 1992).



[14] Talib Samat, *Teknik naratif cerpen-cerpen Shahnnon Ahmad* (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2006).

[15] Wilkinson, R. J., *Papers on Malay subject 1: Malay literature* (London: Luzac & Co., 1907).

**Jurnal:**

[16] Siti Zamrah Isa dan Che Ibrahim Hj Salleh, Pemikiran Za'ba dalam membentuk jati diri Melayu, *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 2(2), 2014, 21-29.

[17] Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Hj Salleh, Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional, *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 3(2), 2015, 121-129.

**Kamus:**

[18] *Kamus dewan edisi ke-4* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).